



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	GELOMBANG PADI PERLU TUMPU ISU BEKALAN INPUT, LINDUNGI PESAWAH, RENCANA, BERITA HARIAN -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PERUBAHAN STATUS TANAH KURANGKAN KAWASAN PADI, TIMUR, HAKAKAH -H15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	CUACA PANAS TAK JEJAS TANAMAN PADI, NEGERI KEDAH PULAU PINANG, SINAR HARIAN -27	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	BERAS MADANI BAKAL BANTU RAKYAT, NEGARA, KOSMO -4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Gelombang Padi perlu tumpu isu bekalan input, lindungi pesawah

● Lambakan input susulan kelewatan ini mengakibatkan kerugian perbelanjaan awam yang tidak dapat digunakan secara efisien dan cekap

● Golongan pesawah bukan hanya perlu didedahkan teknologi baharu tanaman padi, malah perlu dilengkapkan pengetahuan berkaitan literasi kewangan



Pensyarah Pusat
Pengajian Kerajaan
Universiti Utara
Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrencana@bh.com.my

Dalam memastikan bekalan makanan rui negara terjamin, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sentiasa mencari penyelesaian dan kaedah terbaik untuk mempertingkatkan serta menjamin bekalan makanan negara.

Gelombang Padi berteraskan kepada 12 strategi utama adalah antara strategi dan pelan jangka pendek serta panjang yang akan menjadi penggerak kepada transformasi industri padi dan beras negara.

Bagi merealisasikan Gelombang Padi untuk mempertingkatkan kadar sara diri negara, beberapa insentif digariskan perlu diperhalusi bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat ditransformasi dengan sebaik mungkin. Antara inisiatif terkandung dalam Gelombang Padi adalah benih Padi Sah, memulih dan membangun tanah jerlus, memperkasa bekalan input pertanian dan memperkukuh pengurusan bekalan air ke sawah.

Dalam memastikan pelaksanaan Gelombang Padi mencapai sasaran ditetapkan, perkara utama perlu diberi perhatian adalah rantai bekalan input seperti benih, baja dan racun. Kelewatan penghantaran bekalan benih sebagai contoh akan merubah jadual penanaman ditetapkan dan mendedahkan tanaman kepada musim banjir dan sebagainya.

Bagi mengatasi isu kelewatan bekalan benih sebagai contoh, wajar setiap kawasan jelapang padi diberi pertimbangan dan dibenarkan menghasilkan benih tanaman ini, bagi mengurangkan ketergantungan kepada pihak ketiga.

Bekalan stok benih padi harus siap siaga dalam tempoh tiga bulan sebelum musim baharu bermula. Begitu juga stok bekalan input seperti baja dan racun harus bersedia diagihkan tepat pada waktu dan mengikut jadual ditetapkan.

Elak pembaziran input

Isu kelewatan bekalan input pertanian sering menjadi masalah utama dalam industri hampir setiap musim. Perkara ini harus diberi perhatian sewajarnya bagi mengelakkan pembaziran input akibat kelewatan penghantaran mengikut jadual.

Lambakan input susulan kelewatan ini mengakibatkan kerugian perbelanjaan awam yang tidak dapat digunakan secara efisien dan cekap. Kementerian perlu sedar keperluan dan kehendak pokok padi diusahakan mengikut tempoh tumbesaran perlu diberi keutamaan.

Kegagalan menyediakan keperluan pesawah akan mengakibatkan tanaman ini tidak berupaya mengoptimalkan pengeluaran, malah menjejaskan hasil padi. Pengurusan sumber air untuk tujuan pengairan juga perlu diberi perhatian.

Sumbangan kawasan luar jelapang tidak boleh dinafikan. Walaupun kawasan ini menyumbang pengeluaran padi secara purata sekitar tiga tan sehektar, hak kawasan ini sebagai satu daripada penyumbang kepada bekalan makanan negara tidak boleh dinafikan dan perlu diberi perhatian

sewajar.

Satu skim pengairan bersepadu dan menyeluruh di kawasan luar jelapang perlu dibangunkan bagi mempertingkatkan dan melonjakkan lagi hasil pengeluaran tanaman ini.

Peningkatan kos pengeluaran tanaman padi dilihat sebagai satu daripada faktor gagal menarik minat golongan muda berkecimpung dalam sektor ini. Jika ada pun, ia hanya bertahan dalam beberapa musim, kerana tidak dapat menanggung kos pengeluaran semakin meningkat. Maka, pemindahan teknologi tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Peningkatan kos pengeluaran semakin meningkat berbanding harga padi dilihat lebih statik memperlihatkan ketergantungan golongan ini kepada orang tengah akan terus wujud. Ikatan kuat di antara kedua-dua belah pihak terjalin sejak sekian lama, dilihat sukar dipisahkan.

Akibatnya, penyertaan dan pembabitn petani dalam program pengeluaran berskala besar kurang mendapat sambutan. Pesawah adalah barisan hadapan dalam memastikan bekalan makanan negara, terutama beras terjamin. Hampir 200,000 pesawah bertindak sebagai barisan hadapan bagi tujuan ini dan bergantung kepada tanaman padi sebagai sumber pendapatan utama.

Bagi menghargai golongan ini, perlu diwujudkan satu platform membolehkan sebarang pandangan atau cadangan pesawah diangkat kepada pihak sepatutnya. Rata-rata golongan pesawah mempunyai pengetahuan luas melebihi 10 tahun dalam aktiviti tanaman padi.

Raikan pandangan dan cadangan pesawah

Situasi ini secara tidak langsung memperlihatkan sebarang pandangan daripada golongan ini harus diraikan. Tidak adil anda pandangan dilontar dipandang sepi.

Walaupun rata-rata pesawah mempunyai tahap pendidikan rendah, ini bukan bererti golongan terbahit tidak mempunyai impian atau bersikap malas. Hakikatnya, golongan ini mempunyai kepakaran tinggi berdasarkan pengalaman ber-

gelumang dalam industri ini.

Semangat tinggi meneruskan pekerjaan warisan ada kala diambil kesempatan pihak tidak bertanggungjawab dan akhirnya mendatangkan kerugian kepada pesawah. Inilah hakikat perlu ditanggung pesawah dan petani di luar bandar.

Kini sudah tiba masanya, taraf pesawah diangkat dan diberi nilai tambah ke satu tahap sepatutnya melalui pembelaan dan perlindungan sewajarnya. Golongan ini bukan hanya perlu didedahkan teknologi baharu tanaman padi, malah perlu dilengkapkan pengetahuan berkaitan literasi kewangan.

Perkara ini penting bagi memastikan golongan berkenaan dapat menguruskan sumber kewangan secara mampan di samping merancang tempoh persaraan dengan lebih berkesan.

Pelaksanaan Gelombang Padi harus seiring dengan agenda dan strategi terkandung dalam Dasar Agromakanan Negara yang mana matlamat akhirnya untuk memastikan bekalan makanan negara terjamin dan peningkatan kadar sara diri tercapai.

Amat penting industri padi dan beras negara diberi nafas baharu melalui Gelombang Padi. Pada masa sama, perlindungan tanah sawah daripada pencerobohan atas alasan pembangunan perlu dikawal dan diperketatkan syaratnya bagi memulihara sumber alam menyumbang kepada pengeluaran makanan negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2024	HARAKAH	TIMUR	H15

Perubahan status tanah kurangkan kawasan padi

KOTA BHARU: Perubahan status tanah pertanian kepada pembangunan menyebabkan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kehilangan kawasan padi seluas 11,000 hektar dalam tempoh 52 tahun sejak 1972.

Perubahan status itu berikutan tanah dimajukan untuk pelbagai tujuan komersial seperti pembinaan rumah dan jalan raya.

Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa berkata KADA adalah jelapang padi kedua terbesar negara dengan keluasan 26,664 hektar, namun pengurangan berlaku sebanyak 11,000 hektar, berbanding keluasan pada 1972, iaitu 37,670 hektar.

Katanya, hasil purata yang direkodkan antara 2018 hingga 2022 menunjukkan pengeluaran padi di kawasan KADA menyumbang ke-

pada antara 10 hingga 11 peratus hasil pengeluaran padi setahun negara.

Namun, katanya KADA tidak mempunyai kuasa jika pemilik tanah mahu mengubah status tanah pertanian kepada tanah pembangunan.

“Kita tidak boleh elak sekiranya ada dalam kalangan mereka mahu membina rumah dan sebagainya. Pilihan yang kita lakukan adalah mengenal pasti kawasan tertentu yang boleh ditambah menjadi kawasan padi,” katanya di sini.

Beliau mengakui bahawa pilihan itu bukan mudah kerana setiap kawasan yang mahu dibangunkan sebagai kawasan padi perlu mempunyai infrastruktur yang mencukupi, termasuk sistem pengairan yang baik dan memerlukan modal yang besar.

8/2/2024

SINAR

NEGERI

27

HARIAN

KEDAH-PULAU

PINANG

Cuaca panas tak jejas tanaman padi

MADA beri jaminan jumlah takungan air tiga empangan di Kedah mencukupi

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFFZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Menurutnya, paras air di Empangan Pedu mencatatkan bacaan 73.17 peratus, Empangan Muda (83.04 peratus) dan Empangan Ahning (94.97 peratus).

"Musim panas dan kering yang melanda di Kedah tidak memberi kesan terhadap tanaman padi terutamanya di kawasan Muda malah



Musim panas dan kering yang melanda negara tidak memberi kesan terhadap tanaman padi terutamanya di kawasan Muda.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam kenyataan berkata, jumlah takungan tiga empangan di Kedah iaitu Pedu, Muda dan Ahning masih berada pada paras selesai dan cukup untuk menampung keperluan sumber air pengaliran untuk aktiviti tanaman padi musim 2/2023 di kawasan Muda.

MADA akan sentiasa berada dalam keadaan siap siaga sekiranya keadaan El Nino ini berlarutan sepanjang pertengahan ramalan cuaca dan amaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)," katanya pada Rabu.

Jelasnya, prestasi kemajuan tanaman padi musim 2/2023 sehingga hari ini juga telah mencatatkan aktiviti tanam mencapai 99.3 peratus melibatkan kawasan seluas 100,011 hektar.

Tambahnya, bagi peringkat pokok padi berbunga pula adalah sebanyak 66.8 peratus dengan keluasan 67,211 hektar, peringkat pokok padi masak

FOTO: MADA



Prestasi kemajuan tanaman padi musim 2/2023 sehingga hari ini mencatatkan aktiviti tanam mencapai 99.3 peratus melibatkan kawasan seluas 100,011 hektar.

sebanyak 21.7 peratus dengan keluasan 21,850 hektar manakala sebanyak 5.6 peratus iaitu seluas 5,590 hektar padi telah dituai di kawasan Muda.

"Berdasarkan laporan tinjauan cuaca yang dikeluarkan oleh MetMalaysia mendapati fenomena El Nino atau cuaca kering yang sedang berlaku diramal berlarutan sehingga Jun 2024.

"Jumlah turunan hujan di kawasan Muda merekodkan baca-

an lebih rendah iaitu 12mm (mililiter) berbanding purata turunan hujan 20 tahun iaitu 47mm. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak akan menjejaskan aktiviti tanaman padi musim 2/2023 yang dijangka selesai pada penghujung Mac 2024," ujarnya.

Tambah MADA, bagi menghadapi musim cuaca kering, pihaknya mengambil langkah berjaga-jaga dan melakukan tindakan segera dengan me-

maksimumkan penggunaan sistem pam guna semula bagi menjimatkan air dari empangan serta menjalankan operasi membekalkan air pengaliran secara pengaliran mengikut keperluan aktiviti persawahan di setiap wilayah.

Ujarnya, para peladang dinasihatkan menguruskan air di peringkat sawah secara berhemah bagi memastikan bekalan air diagihkan dengan sempurna dan mengelakkan pembaziran.

Kerajaan akan tetapkan harga siling dalam usaha kurangkan kos sara hidup

Beras Madani bakal bantu rakyat

Oleh WAT KAMAL ABAS

BUKIT GANTANG - Kerajaan Perpaduan akan memperkenalkan Beras Madani sebagai mekanisme membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang kian meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, pihaknya telah melakukan perbincangan dengan Padiberas Nasional Berhad (Ber-nas) berkaitan perkara tersebut.

Katanya, antara yang dibincangkan adalah mengenai cadangan penetapan harga siling penjualan Beras Madani.

"Pada masa ini harga jualan beras import tidak tersenarai di



SYED ABU HUSSIN HAFIZ ketika lelongan beras di bawah harga pasaran di program Jualan Murah Parlimen Bukit Gantang di Changkat Jering, Taiping semalam.

dalam harga kawalan, manakala beras tempatan pula kurang di pasaran.

"Atas inisiatif ini kerajaan akan memperkenalkan Beras Madani dengan penetapan harga siling bagi mengurangkan kos sara hidup pada masa ini," katanya selepas menghadiri program Jualan Murah Ahli Parlimen Bukit Gantang di Changkat Jering, di sini semalam.

Menurut Syed Abu Hussin Hafiz, dengan wujudnya Beras Madani dan penetapan harga siling yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak lama lagi, ia akan menyelesaikan isu harga beras yang menjadi rungutan rakyat di negara ini.

"Selepas ini sudah tidak ada

lagi istilah beras import dan beras tempatan kerana kedua-duanya akan disatukan dalam Beras Madani.

"Dengan demikian, tiada lagi pihak pengilang dan penjual mengambil kesempatan untuk menaikkan harga beras sewenang-wenangnya," ujar beliau.

Tambahnya, penetapan harga siling Beras Madani akan membolehkan kerajaan mengawal harga makanan tuji itu di pasaran.

Beliau turut percaya pihak berkuasa berkaitan akan sentiasa membuat pemantauan di lapangan bagi memastikan semua rantaian itu akan mematuhi harga yang telah ditetapkan dan secara langsung membantu meringankan kos sara hidup rakyat di negara ini.